

09/06/1999

TNB teruskan projek Bakun

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan mungkin membatalkan rancangan membina rangkaian kabel dasar laut bagi membekalkan tenaga elektrik daripada Projek Hidro Elektrik Bakun (projek Bakun) di Sarawak ke Semenanjung kerana kosnya terlalu tinggi.

Bagaimanapun, projek Bakun yang ditangguhkan berikutan kegawatan ekonomi pada 1997, akan diteruskan dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjadi peneraju utama.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dengan pemulihan ekonomi lebih awal, wujud keperluan untuk meneruskan projek itu kerana permintaan elektrik semakin meningkat.

"Kita meneruskan projek Bakun ini, mungkin diubah suai sedikit dengan penjaan kuasa lebih kecil. Buat permulaan, kita rancang untuk unit 500 megawatt," katanya sambil menambah, rancangan asal untuk membina kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung akan dikaji semula.

"Kita kena fikir dua kali mengenai ini (kabel dasar laut) kerana kos kabel dasar laut adalah separuh daripada kos keseluruhan pembangunan," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Sedunia Mengenai Tenaga Yang Boleh Diperbaharui, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, projek Bakun akan tertumpu di Sarawak dan Sabah dengan menempatkan industri berintensifkan tenaga di kedua-dua negeri itu supaya kosnya lebih rendah.

Disember lalu, kerajaan mengarahkan TNB untuk meneruskan projek itu, yang sebelum ini dianggarkan menelan belanja RM13.6 bilion. Kerajaan masih menunggu laporan cadangan TNB untuk mengemukakan laporan.

Pada Ogos tahun lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, kos pembinaan projek Bakun mungkin dapat dikurangkan RM6 bilion jika rancangan asal membekalkan kuasa ke Semenanjung dibatalkan.

Sebulan selepas itu, kerajaan membuat tawaran rasmi kepada Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Bhd, sebanyak RM811 juta untuk mengambil alih projek itu daripadanya. Tawaran itu berasaskan akaun perbelanjaan dan aset BHC pada 30 November 1997.

Projek empangan Bakun adalah antara beberapa projek infrastruktur utama yang ditangguhkan pembinaan pada Oktober 1997 berikutan teretusnya krisis kewangan serantau. Sejak Disember lalu, projek Bakun diambil alih Kementerian Kewangan Diperbadankan (MoF).

Ditanya berapa jumlah kos untuk TNB mengambil alih projek itu, Dr Mahathir berkata ia akan menelan kos berbilion ringgit berikutan nilai ringgit susut tetapi percaya ia masih berdaya maju.

Mengenai tempoh untuk menghidupkan semula projek itu, beliau berkata ia mungkin mengambil sedikit masa kerana ia membabitkan pembinaan empangan dan kemudahan lain seperti terowong.

"Ia akan mengambil masa tetapi kita merancang untuk mempunyai tenaga secepat mungkin kerana kita berharap untuk menempatkan (loji) pelebur aluminium di kawasan itu, yang memerlukan tenaga murah", katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sudah lama tidak membina loji kuasa kerana masalah kemelesetan.

"Unjuran kami adalah penggunaan elektrik akan menurun sepanjang tempoh kegawatan ekonomi, tetapi permintaan menjadi lebih tinggi daripada sebelum kemelesetan kerana pemulihan ekonomi yang lebih awal.

"Oleh itu, sudah pastinya kami perlu membina loji itu dengan segera," katanya.

Ditanya sama ada TNB akan memegang 100 peratus bahagian dalam projek itu, Dr Mahathir berkata, pihak lain akan turut terbabit dalam projek itu.

"Ia sebenarnya bukan dijual kepada Tenaga (TNB) saja...juga kerajaan. Tetapi sesiapa saja yang berminat boleh turut serta. Sebaik saja perjanjian ditandatangani dan kita mengambil alih projek secara sah, maka kita akan mula menjemput yang lain untuk turut serta," katanya.

(END)